

02/12/1998

Majalah Jelita menang dua Anugerah Riben Merah

KUALA LUMPUR, Selasa - Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini menyampaikan 12 Anugerah Media Riben Merah kepada wakil media Malaysia kerana sumbangan mereka berhubung HIV/Aids dalam media cetak dan elektronik, pengiklanan serta kesenian.

Antara penerima anugerah itu ialah Lily Haslina Nasir dari majalah Jelita, Berita Harian Sdn Bhd yang memenangi dua anugerah bagi kategori rencana Bahasa Malaysia media cetak dan kategori khas masing-masing bagi rencana bertajuk Hidup Bersama Pesakit Aids: Pengakuan Seorang Ibu dan Kemelut HIV/Aids.

Ivy Soon dari akhbar The Star memenangi kategori rencana Bahasa Inggeris media cetak kerana rencananya bertajuk Coping With A Sentence At Birth.

Pasukan Sunday Star yang terdiri daripada David Yeoh, Tan Ju-Eng, C Celestine, Edin Khoo, Agatha Matayun, Charlotte Robert, Sanjeev Singh, Ivy Soon dan Jacqueline Teo memenangi kategori khas media cetak Inggeris dengan rencana Aids Update-Sunday Star Special on Aids.

Koh Yoke Moi dari akhbar Nanyang Siang Pau memenangi bagi kategori rencana Bahasa Cina dengan rencananya bertajuk The Entangled Red Ribbon sementara Maizatulakman Meor Yahya dari RTM memenangi kategori media elektronik Bahasa Malaysia bagi Magazine Programme Aids.

Umi Kalsoom Raslan dari RTM memenangi katagori Televisyen Bahasa Malaysia bagi rancangan Aids di Kalangan Kanak-kanak, sementara Lee Lai Mee memenangi kategori Televisyen Bahasa Inggeris bagi rancangan Global Talkshow: Children Living In A World With Aids.

Leon Leong pula dipilih sebagai pemenang dalam kategori pengiklanan-pendidikan kerana karyanya bagi Malaysian Aids Council Webpage dan Pamela Whitaker memenangi kategori seni visual artAids: An Exhibition of Art Therapy Paintings by People Living with HIV and Aids.

DramaLab dan Persatuan Akedemi Industri Muzik Malaysia dipilih sebagai pemenang bersama dalam katagori persembahan seni masing-masing kerana persembahan Talking Aids dan Konsert Riben Merah '97.

Pada majlis yang sama, isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali menyampaikan anugerah Dr Siti Hasmah 1998 kepada Dr Christopher Lee sebagai menghargai sumbangan beliau dalam bidang HIV/Aids yang membawa manfaat kepada Malaysia dan rakyatnya.

(END)